



Headline: RM40,000 dikebas Macau Scam
Publication/Portal: Kosmo
Date: 19 December 2017

Language: Bahasa
Section: Negara
Page: 10

Lelaki warga emas diperdaya pegawai bank, pegawai polis palsu

RM40,000 dikebas Macau Scam

Oleh NOR AFIQAH MAT NOR

KOTA BHARU – Hasrat seorang lelaki warga emas untuk membeli sebuah rumah menggunakan wang persaraannya lebur apabila mendakwa ditipu sebanyak RM40,000 oleh sindiket Macau Scam dalam kejadian di Tanah Merah pada bulan lalu.

Penipuan didakwa lelaki berusia 60 tahun itu berlaku selepas mangsa menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki mendakwa sebagai pegawai bank di Kuala Lumpur yang memaklumkan mangsa mempunyai tunggakan ansuran bulanan berkaitan pinjaman peribadi.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kelantan, Superintendan Mohamed Zulmazi Che Daud berkata, pegawai bank itu didakwa mengugut mangsa dengan memaklumkan dia bakal ditangkap dan direman 45 hari sekiranya gagal menjelaskan tunggakan pinjaman berkenaan.

“Mangsa menjadi lebih takut

apabila pegawai bank itu memaklumkan waran tangkap ke atasnya akan dikeluarkan jika tidak membayar sejumlah amaun dalam masa setengah jam.

“Dalam tempoh setengah jam itu, mangsa diarahkan supaya berhubung dengan polis Bukit Aman sebelum talian disambungkan terus kepada seorang lelaki yang mendakwa sebagai Inspektor Hisyam,” kata beliau pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan di sini semalam.

Menurut beliau, semasa bercakap dengan Inspektor Hisyam, lelaki itu memberitahu mangsa turut terlibat dengan kegiatan sindiket wang haram.

“Inspektor Hisyam kemudian bertanya jumlah wang simpanan mangsa sebelum mangsa mengaku dia mempunyai wang simpanan berjumlah RM60,000 yang disimpan di dua buah bank,” kata beliau.

Berikutan itu, kata beliau, Inspektor Hisyam mengarahkan mangsa supaya memindahkan sebahagian

wang iaitu berjumlah RM40,000 ke dalam akaun milik orang persendirian sebagai jalan penyelesaian bagi kegiatan haram yang didakwa dilakukan oleh mangsa.

Mohamed Zulmazi memberitahu, mangsa telah mengikut arahan Inspektor Hisyam memindahkan wang tersebut sebelum menyedari dirinya ditipu selepas lelaki itu memutuskan talian secara tiba-tiba.

“Wang yang dikebas sindiket Macau Scam merupakan sebahagian wang yang disimpan warga emas itu untuk membeli rumah,” kata beliau.

Katanya, sebanyak 19 kes kegiatan Macau Scam direkodkan di negeri ini sejak awal tahun hingga 15 Disember lalu melibatkan kerugian RM313,090.69.

Mangsa-mangsa penipuan turut melibatkan golongan profesional seperti doktor, pensyarah dan guru.

MOHAMED ZULMAZI menerangkan modus operandi sindiket Macau Scam pada sidang akhbar di IPK Kelantan, Kota Bharu semalam.

